

Headline	Shell sumbang RM294,000 bantu 6 program lestari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Color	Black/white
Page No	B5	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,139	PR Value	RM 9,418



# Shell sumbang RM294,000 bantu 6 program lestari

**SHELL**, antara pelabur antarabangsa terbesar sektor tenaga di Malaysia memberi bantuan tunai bernilai RM294,000 kepada enam organisasi di bawah Geran Pembangunan Lestari Shell bagi 2014.

Organisasi itu ialah UK Marine Conservation Society yang menerima bantuan tunai RM121,600; Enactus Universiti Utara Malaysia (RM19,450); Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan (PIBG) (2) Damansara Jaya (RM12,000); Land Empowerment Animals People (LEAP)(RM40,700); Caring Community Centre (RM41,900); dan Biji-Biji (RM58,000).

UK Marine memenangi dua projek berasingan masing-masing bagi kategori pemeliharaan alam sekitar.

Pertama, memperkenalkan projek penangkapan abalone sebagai sumber sara hidup alternatif bagi komuniti nelayan di Melangkap, Sabah.

Matlamat projek ialah menyediakan latihan dan membangunkan keupayaan masyarakat setempat untuk

mengenalpasti sumber bio-kultur.

Kedua, projek membanteras penangkapan ikan menggunakan bom di Sabah dengan memperkenalkan sistem inovatif akustik.

## **Bangun sistem akustik**

Matlamat projek itu ialah membangunkan sistem akustik yang boleh mengesan lokasi bom ikan dalam waktu sebenar bagi membolehkan tindakan segera dan berkesan diambil pihak berkuasa.

Enactus memenangi dua projek dalam dua kategori dipertandingkan, iaitu pemeliharaan alam sekitar dan mata pencarian lestari.

Bagi kategori pemeliharaan alam sekitar, ia memperkenalkan projek dikenali sebagai 4Nature yang mensasar mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia di kalangan petani, selain mendidik petani mengeluarkan dan menggunakan baja dan racun organik.

Bagi kategori mata pencarian lestari, ia memperkenalkan projek BACK2BAG dengan matlamat mengubah beg plastik yang tidak diguna-

kan menjadi produk menarik yang boleh dikomersialkan menggunakan tenaga kerja orang kurang upaya.

PIBG (2) Damansara Jaya memperkenalkan projek mengumpul air hujan ke dalam kolam ikan. Matlamat projek ialah memulihara lebih aliran air pada musim monsun bagi mengelak banjir kilat.

Anugerah disampaikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G.Palanivel.

Hadir sama Duta Belanda ke Malaysia, Harry Molenaar; Pengarah Perdagangan dan Pelaburan Pesuruhjaya Tinggi Britain, Tony Collingridge; dan Pengerusi Shell Malaysia, Iain Lo.

Diperkenalkan pada 2008, program Geran Pembangunan Lestari Shell bertujuan mempercepatkan kemajuan pembangunan lestari negara dengan memperkayakan kumpulan yang layak seperti badan bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Malaysia, institusi pengajian tinggi, sekolah, masyarakat dan individu untuk memulakan projek lestari.